

23/11/1999

Pembangking dakwa BN takutkan rakyat

JOHOR BAHRU, Isnin - Barisan Alternatif mendakwa Barisan Nasional (BN) menimbulkan ketakutan kepada rakyat menerusi iklan di media cetak dan elektronik.

Presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM), Dr Syed Husin Ali, mendakwa pakatan pembangkang sudah menunjukkan komitmennya tidak menimbulkan kekacauan ketika hari penamaan calon berlangsung pada Sabtu lalu.

Beliau berkata, pemimpin BN menggunakan iklan yang disiarkan di akhbar tempatan dan televisyen untuk membangkitkan pelbagai isu yang menakutkan rakyat.

Beliau turut mendakwa, BN menggunakan wang rakyat bagi membeli ruangan muka surat dalam akhbar atau televisyen.

Menurutnya, barisan alternatif mencabar Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden BN, mengadakan deklarası dan pengisytiharaan bersama memastikan pilihan raya dilakukan dengan aman dan tenteram.

"Namun, kita dapati beliau (Dr Mahathir) tidak memberi sebarang sambutan selepas tempoh 24 jam," katanya.

(END)